

# Johor-Singapura tandatangan perjanjian tambahan bekalan air

KUALA LUMPUR: Kerajaan Negeri Johor dan Public Utilities Board (PUB) Singapura semalam menandatangani perjanjian tambahan kepada Perjanjian Bekalan Air 1962, di sini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatnya dari Singapura, Encik Lee Kuan Yew menyaksikan upacara menandatangani perjanjian itu.

Sebelum upacara berkenaan yang berlangsung di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Republik Singapura itu mengadakan perbincangan tertutup selama sejam mengenai pelbagai perkara membatinkan hubungan dua hala antara Malaysia-Singapura.

Perjanjian tambahan kepada Perjanjian Bekalan Air 1962 itu ditandatangani oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Datuk Abdul Rahim Ramli bagi pihak kerajaan Johor dan Ketua Eksekutif PUB, Encik Lee Ek Tiang, sementara Perjanjian Jaminan ditandatangani oleh Pemangku Menteri Luar, Datuk Seri Najib Tun Razak bagi pihak kerajaan Malaysia dan Menteri Luar Singapura, Encik S Danabalan.

Turut ditandatangani semalam ialah Perjanjian Jual Beli Gas antara Petronas dan PUB Singapura seperti yang dipersetujui dalam Memorandum Persefahaman antara Malaysia dan Singapura yang ditandatangani pada 1988.

Petronas diwakili oleh Pengerusi dan Ketua Eksekutifnya, Tan Sri Azizan Zainul Abidin, manakala PUB Singapura oleh Encik Lee Ek Tiang.